

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM MAJLIS BELIA NEGERI PERAK**  
**DI PADANG BANDARAN PARIT BUNTAR, PERAK**  
**31 MEI 1999**

-----

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinnya dapat kita berhimpun di Majlis Sambutan Hari Belia peringkat negeri Perak bagi tahun 1999 ini. Saya rasa gembira kerana begitu ramai yang hadir pada perhimpunan malam ini. Saya dimaklumkan bahawa inilah julung- julung kali majlis jamuan makan malam terbesar yang pernah diadakan di daerah kerian ini, bahkan mungkin juga bagi negeri perak. Penghormatan yang diberikan kepada saya ini terlebih dahulu saya ucapkan jutaan terima kasih. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana berjaya menganjurkan majlis pada malam ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Masyarakat belia dan beliawanis atau golongan muda merupakan majoriti penduduk negara ini. Bahkan mereka juga adalah majoriti penduduk dunia.

3. Golongan belia merupakan tenaga utama yang menjadi tunjang dalam sebarang tindakan atau aktiviti samada di peringkat negara, daerah, bahkan di peringkat kampung. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pemimpin di semua peringkat untuk memberi perhatian yang serius kepada golongan ini. Sesuai dengan tema sambutan hari belia tahun ini "patriotisme belia memantapkan kestabilan negara", maka saya rasa bertuah pada malam ini dapat berucap dihadapan pemimpin-pemimpin belia. Sambutan tahun ini adalah sambutan terakhir bagi alaf ini dan setahun lagi kita akan berada dialaf baru pula. Untuk menghadapi alaf baru kita semua akan berhadapan dengan cabaran dan peranan yang lebih besar lagi. Untuk menghadapi cabaran yang lebih besar maka bangsa Malaysia mestilah mempunyai "jiwa yang lebih besar". Untuk itu semangat patriotik yang mantap mesti ada kepada setiap individu yang mengakui diri mereka sebagai bangsa Malaysia. Bangsa yang memerlukan pemimpin-pemimpin yang besar jiwanya, pemimpin- pemimpin yang berwibawa, tegas pendirian untuk menghadapi cabaran alaf baru nanti. Oleh yang demikian negara memerlukan pemimpin-pemimpin dari kalangan belia yang dinamis dan berwawasan.

4. Satu perkara yang kita semua tidak boleh lupa ialah tentang sejarah ` bagaimana kita menjadi sebuah negara terkenal". Semuanya ini boleh berlaku kerana pemimpin-pemimpin yang lalu hinggalah kehari ini membuat keputusan dan menyelesaikan semua masalah secara "mesyuarah". Kita merdeka secara rundingan, kita mewujudkan negara yang setabil secara rundingan di antara parti-parti yang ada di dalam kerajaan. Oleh yang demikian, saya ingin manasihatkan masyarakat belia supaya tidak terikut-ikut dengan budaya luar yang tidak sesuai. Dengan norma-norma masyarakat Malaysia kerana tidak semua yang datang dari barat itu baik dan sesuai dengan kita. Bahkan banyak budaya kita ini yang lebih baik, sesuai dan murni jika kita bandingkan dengan barat. Sebab itulah saya sangat berharap golongan belia menjauhkan diri daripada budaya yang negatif ini.

5. Golongan belia adalah pemimpin hari dan hari esok dan merupakan majoriti rakyat negara ini, maka sudah pastilah komitmen dan sensitiviti mereka sangat perlu dalam perkembangan yang berlaku dalam negara ini. Dalam konteks ini ada dua perkara atau unsur yang harus diteliti dan diperhati:-

Unsur dari dalam: Mereka dengki dengan kebolehan kepimpinan yang ada. Mereka yang beku kerana tidak boleh bergerak sejajar dengan arus pembangunan.

Unsur dari luar: Negara-negara luar yang sentiasa mencurigai kekuatan Malaysia. Negara-negara barat yang maju takut Malaysia lebih cepat mengambil alih "paksi ketamadunan dunia".

Kedua-dua unsur yang saya sebut tadi terlalu dicurigai oleh golongan yang ke cewa atau golongan yang mahu merampas kuasa, berpunca dari kewujudan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, penguasaan teknologi yang begitu pantas arus pelaksanaan di negara ini. Paksi ketamadunan dunia yang mula nampak akan bertapak dirantau asia tenggara khususnya Malaysia sudah pasti akan menjadi saingan kepada mereka di barat. Oleh itu belia-belia diharap akan menjadi benteng utama bagi menangani musuh-musuh negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya berharap agar sambutan hari belia tahun ini akan juga mengakhiri banyak gejala negatif yang sering diperkatakan. Antaranya ialah penyalahgunaan dadah, bohsia, bohjan, budaya miskin ilmu atau lebih dikenali sebagai "budaya desruktif". Marilah kita sama-sama menyediakan agenda khas untuk golongan belia bagi mengisi alaf akan datang dengan penuh kesedaran dan keinsafan. Kerajaan telah, sedang dan akan terus menyediakan program yang bertunjangkan semangat patriotisma bagi melahirkan generasi akan datang supaya lebih kukuh lagi. Walau bagaimana pun masyarakat belia sendirilah yang mesti memikul tanggungjawab dan peranan masing-masing. Masyarakat belialah yang akan menentukan samada di alaf yang akan datang negara Malaysia dan rakyat akan lebih cemerlang atau tidak. Semuanya terserah kepada anda masyarakat belia hari ini. Oleh itu kautlah seberapa banyak bekalan yang boleh. Bekalan yang paling nyata ialah seperti yang dinyatakan oleh nabi sendiri iaitu tidak lain dan tidak bukan ialah "ilmu".

7. Tuntutlah ilmu walaupun hingga ke negara China. Kerana menuntut ilmu tidak ada batasan samada batasan waktu, batasan geografi, batasan politik, batasan bangsa ataupun batasan ugama. Hanya dengan ilmu manusia dapat membuat penilaian terhadap buruk baiknya sesuatu perkara . Jika golongan belia sudah berilmu, semua cabaran akan dapat dilalui dengan mudah dan sudah pasti sebarang ujian kesinambungan kepimpinan persatuan atau negara mudah direalisasikan. Pendek kata untuk memastikan generasi kini dan akan datang lebih mantap semangat patriotismanya maka belia- belia yang berilmu dan bermaklumat harus tampil dengan penuh keyakinan dan berketrampilan. Ciri-ciri seperti ini hanya boleh berjaya dengan satu syarat utama iaitu "muhasabah diri" atau menilai diri .

Maksud: Tidak kami perhatikan dirimu sendiri, apakah kamu tidak berfikir.

8. Oleh itu kita mesti menilai semula pemikiran, tindakan kita untuk memastikan kita sentiasa berada dilandasan yang tepat, bukan di pengaruhi oleh mana- mana pihak atau puak-puak tertentu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kita sudah merdeka 42 tahun. Kita sudahpun membina negara kita dengan penuh tertib dan kecemerlangan. Oleh yang demikian tidak ada sebab ada mana-mana pihak yang mahu mengubah ketertiban dan kecemerlangan itu.

10. Bagi memastikan kecemerlangan Malaysia berterusan di alaf yang akan datang kita sebagai warga Malaysia yang tulen mesti menentang habis- habisan campurtangan asing dalam negara kita. Ini adalah kerana "negara kita adalah tanggungjawab kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya difahamkan bahawa pada tahun ini majlis belia juga akan menyumbangkan bantuan kepada orang miskin dan bantuan kepada mangsa perang di Kosovo. Aktiviti seperti ini membuktikan bahawa masyarakat kita sangat perihatin kepada perjuangan untuk membasmi kemiskinan dan juga masalah antarabangsa. Ini membuktikan bahawa Malaysia telah dapat melahirkan generasi yang sangat bermutu. Ini semua merupakan hasil dari perancangan kerajaan yang rapi sejak dari selepas merdeka hinggalah sekarang.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini saya rasa gembira apabila melihat kehadiran pada malam ini terdiri dari pelbagai bangsa dan peringkat umur ada bangsa Melayu, Cina, India, Sikh dan lain-lain. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa perpaduan bangsa Malaysia adalah sesuatu yang unik. Oleh itu "perpaduan" adalah menjadi "kunci" kepada semua tindakan kita. Majlis ini juga berjaya kerana perpaduan ini. Sebab itulah wawasan 2020 menegaskan bahawa satu matlamat penting bagi mengwujudkan negara maju ialah pembentukan satu bangsa yang bersatu dan kuat, iaitu mewujudkan kesepaduan di antara warganegara Malaysia yang terdiri daripada berbagai bangsa dan keturunan merupakan satu perkara penting dalam mewujudkan sebuah negara Malaysia yang maju dan harmoni, berwibawa serta disegani oleh dunia seluruhnya. Marilah kita bersatupadu menentang apa sahaja bentuk rintangan yang cuba meruntuhkan perpaduan samada unsur itu dari dalam atau luar negara. Kembalilah, pulihlah dan perkuatkanlah semangat patriotisma kita bangsa Malaysia.

13. Akhirnya, saya berharap agar majlis makan malam belia negeri perak malam ini mencapai matlamatnya dan berjaya mudah-mudahan allah s.w.t. akan terus merahmati perjuangan kita yang ikhlas dan jujur demi kepentingan dan kecemerlangan agama, bangsa dan negara.

Terima kasih